

**NO. SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7938**

**SOALAN:**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan kedudukan siasatan pihak polis ke atas  
penyelewengan dalam urus niaga 1MDB yang telah menyebabkan  
kerugian berbilion-bilion ringgit. Adakah Low Taek J ho telah disoalsiasat  
sebab dokumen-dokumen yang terbongkar menunjukkan bahawa wang  
1MDB telah disalurkan ke dalam akaun beliau.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Laporan polis yang dibuat oleh Datuk Seri Paduka Khairuddin Bin Abu Hassan telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan (kesalahan pecah amanah jenayah oleh ejen).**

**Pada masa yang sama juga, Jabatan Ketua Audit Negara telah diarahkan oleh Kerajaan untuk menjalankan audit ke atas syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan Ketua Audit Negara diberi keutamaan pertama (*first priority*) untuk menjalankan tugas pengauditan serta memperolehi dokumen-dokumen berkaitan tanpa sebarang halangan dalam pelaksanaan tugas mereka bagi mengesahkan sama ada wujud sebarang penyelewengan atau salah laku dalam pengurusan syarikat 1MDB dan seterusnya Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Malaysia (PAC) selesai melaksanakan tanggungjawab mereka. Kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara pada 9 Mac 2015 untuk arahan selanjutnya.**